

# Tafsir Surah Al-Nasr

Muhammad Haniff Hassan

[www.haniff.sg](http://www.haniff.sg) / [ismhaniff@ntu.edu.sg](mailto:ismhaniff@ntu.edu.sg)

# Pengenalan

- Surah turun di zaman Madinah (setelah hijrah), tapi di daerah Mekah
  - 3 ayat
  - bermakna “Kemenangan”
- Sebab turun
  - turun bersempena kemenangan Nabi s.a.w menakluk Mekah dari Quraisy setelah 8 tahun hijrah

# Pengajaran

## 1. Ajal Nabi s.a.w

- notis awal kepada Nabi s.a.w bahawa ajalnya sudah hampir
  - Nabi s.a.w wafat 2 tahun setelah turun surah ini
- 
- “Sebaik sahaja turun “Iza ja anas rullahi wal fath”, Rasulullah s.a.w terus memanggil Fatimah dan berkata: Sesungguhnya ayahanda telah diberitahu tentang kematian ayahanda. Fatimah menangis kemudian dia ketawa sambil berkata: Ia menceritakan kepadaku bahawa ia telah diberitahu tentang kematiannya, kerana itulah aku menangis, kemudian ia berkata pula: Sabarlah anakanda, kerana engkau anggota keluarga ayahanda yang pertama yang akan mengikuti ayahanda,' kerana itulah aku ketawa.” (Riwayat Al-Baihaqi)

- Tanda kasih Allah kepada hambaNya, Dia akan beri notis awal tentang ajalNya
  - terserah pada individu untuk kenal dan faham tanda-tanda ini
- Hikmah notis awal
  - supaya LEBIH dapat bersiap
  - hakikatnya memang perlu bersiap selalu kerana mati boleh berlaku pada bila-bila masa, tapi notis awal adalah rahmat bagi yang mendapatinya = lebih dapat bersiap
  - persiapan untuk mati adalah anjuran agama
  - yang dianjurkan agama ialah bersiap untuk mati, bukan takut mati
  - orang Islam tidak takut pada mati kerana ia adalah pintu untuk bertemu dengan Yang Dikasihi (kecuali kalau hidup dipenuhi dengan perbuatan sia-sia atau maksiat)

## 2. Janji Allah

- apabila Nabi s.a.w berhijrah, Allah turunkan Al-Qasas, 28:85 menjanjikan bahawa Nabi s.a.w satu hari pasti akan dapat kembali ke Mekah (8 tahun sebelum penaklukan Mekah)
  - Surah Al-Fath turun sebagai janji penaklukan Mekah setelah perjanjian damai di Hudaibiyah 2 tahun sebelum surah Al-Nasr
- Janji Allah adalah benar (Al-Rum, 30:6; Fatir, 35:5-7; Al-Mursalat, 77:7)
    - tapi bukan bermakna ia berlaku dengan mudah dan segera
      - > Nabi s.a.w pun perlu tunggu 8 tahun dan lalui pelbagai kesusahan dulu
    - contoh yang sama ialah kisah nabi Yusuf (Yusuf, 12:4)
      - > Allah janji menjadikan dia seorang yang hebat, tapi hanya setelah lalu keperitan hidup bertahun-tahun (Yusuf, 12:100)
      - > ingat juga kisah nabi Ayub (Al-Anbiya', 21:83)

- Sama juga dengan doa kita = Allah janji terima dan tunaikan (Ghafir, 40:60), tapi tidak bermakna mudah dan segera

### 3. Urus kejayaan

- Kejayaan datang dari dan dengan izin Allah (Al-Nasr, 110:1)
  - mengaitkan kejayaan kepada Allah adalah sifat terpuji dan sifat para anbiya' (Yusuf, 12:101 dan Al-Naml, 27:19, 27:40) = tanda rendah diri
  - kaitkan kejayaan atas usaha sendiri adalah sifat Qarun yang tercela (Al-Qasas, 28:70) = tanda sombong
- Jangan jadi golongan yang bila nak berjaya, ingat Tuhan, doa panjang-panjang, tapi bila dah berjaya lupa Tuhan, bangga pada diri sendiri (Fussilat, 41:51)

- Pada setiap kejayaan kita ada sumbangan orang lain juga i.e ibu bapa, isteri/suami, sahabat = Nabi tidak lupa orang pernah berjasa kepadanya
- Nasr (bantuan) dahulu kemudian fath (kemenangan) (Al-Nasr, 110: 1)
  - untuk berjaya, dapatkan bantuan Tuhan dulu - bagaimana peroleh bantuan Tuhan?
  - dekatkan diri padaNya selalu = rajin beribadah
  - ingat Tuhan waktu senang, Tuhan ingat kita waktu berkeperluan (Al-Baqarah, 2:152, Fussilat, 41:51, Al-Hasyr, 59:19)
  - kejayaan bukan hanya melalui perancangan yang baik, ilmu, kemahiran dan teknologi = tapi juga ibadah (kerohanian)

4. Bila berjaya, berzikir pada Tuhan (tasbih dan tahmid) (Al-Nasr, 110:3)
  - syukur dan tawaduk
  - semakin berjaya, semakin kuat berzikir dan ibadah
  
5. Nabi pun disuruh berzikir (110:3), apa lagi kita
  - Nabi s.a.w sibuk tapi tetap lakukan banyak ibadah
  - diampunkan dosa, tapi rajin beristighfar
  - kerana bersyukur = beribadah untuk bersyukur dan suka, akan lakukan walau tidak wajib = asas ibadah
  - Allah Maha Adil = nabi s.a.w pun diperingatkan dengan perkara-perkara asas



**6. Kenapa beristighfar? (110:3)**

- mungkin sahaja dalam usaha untuk berjaya, lakukan kesilapan, sakiti orang lain
- istighfar juga simbol rendah diri = hanya yang rendah diri, mudah akui silap, walau tak pasti apa kesilapan itu

**7. Kejayaan = kemasukan manusia dalam Islam (110:2)**

- niat, berazam dan usaha, paling kurang seorang dapat masuk Islam melalui tangan kita semasa hidup ini = Nabi janjikan pahala besar

- Islamutamakan damai dan kemaafan, bukan perang dan dendam
  - Nabi s.a.w berusaha untuk elak perang dan tumpahkan darah
    - > Nabi masuk Madinah tanpa pertumpahan darah, takluk Mekah dengan pertumpahan darah yang amat minima
  - Setelah menang, tidak balas dendam, walaupun kepada musuh kuat
    - > memberi amnesti = menang hati dan minda orang ramai sesuai dengan tujuan dakwah
    - > dakwah bukan untuk bunuh orang bukan Muslim = orang mati tidak boleh masuk Islam

Terima Kasih  
Moga Bermanfaat  
Wassalam